

KHIDMAT NASIHAT

1-877-234-5050

Talian bebas tol kami dibuka 24 jam sehari. Kami mengambil berat tentang anda dan keselamatan anda.



CCWRC

Centre County Women's Resource Center

140 W. Nittany Avenue
State College, PA
16801-4811

(814) 234-5050

(877) 234-5050

FALSAFAH

Pengasas dan penyokong the Centre County Women's Resource Center percaya bahawa wanita yang mahu meneruskan hidup mereka dan melupakan pengalaman pahit yang pernah berlaku dalam hidup mereka, memerlukan sokongan daripada mangsa yang pernah mengalami keadaan hidup seperti mereka. Dengan adanya sokongan daripada mangsa yang mempunyai pengalaman yang sama, mereka dapat berkongsi tentang pengalaman dan dapat membantu menasihati dan membimbing antara satu sama lain.

Kami juga percaya bahawa setiap individu mampu berkembang dan berjaya apabila tinggal di kawasan yang aman dan selamat dari segala ancaman. Oleh itu, wanita dan kanak-kanak harus hidup di dalam suasana (rumah, tempat kerja, sekolah dan komuniti) yang selamat, bebas dari ancaman dan keganasan terhadap mereka.



**Khidmat nasihat dan kounseling
untuk mereka yang pernah
mengalami penderaan seksual**

CCWRC

Centre County Women's Resource Center

140 W. Nittany Avenue
State College, PA
16801-4811

(814) 234-5050

(877) 234-5050

TTY (814) 272-0660

**24 HOUR HOTLINES
234-5050**

1-877-234-5050 Toll-Free

SAFE-PROFESSIONAL-CONFIDENTIAL-FREE

KEKEJAMAN YANG BERLAKU DIKALANGAN

- Di Pennsylvania, seorang wanita dan kanak-kanak dibunuh setiap tiga hari hasil penderaan dalaman.
- Rogol adalah kes yang paling sedikit dilaporkan di U.S. walaupun statistik kes rogol semakin meningkat.
- Penderaan dalaman adalah kes yang paling banyak menyebabkan kecederaan kepada wanita di U.S.- lebih banyak daripada jumlah kes rogol dan kemalangan automobil.
- Satu daripada empat wanita pernah mengalami penderaan seksual sepanjang hidup mereka.
- Kekejaman semasa berdating pernah dialami oleh seorang daripada empat remaja.

KHIDMAT CCWRC

Talian 24 Jam:

Maklumat, bimbingan, nasihat dan kounseling. Talian bebas 1-877-234-5050. Semua maklumat yang dikongsi akan dirahsiakan.

Tempat perlindungan Sylvia Stein:

Tempat perlindungan untuk wanita dan anak mereka yang memerlukan tempat selamat untuk berteduh.

Program Perumahan Bridge:

Program tempat tinggal seterusnya untuk keluarga selepas meninggalkan tempat perlindungan Bridge.

Kounseling:

Kounseling perseorangan untuk mangsa penderaan seksual dan dalaman. Kumpulan sokongan disediakan untuk mangsa penderaan seksual dan dalaman.

Khidmat professional:

Untuk mereka yang perlukan khidmat guaman atau perlukan pemeriksaan kesihatan.

Program untuk Kanak-kanak:

Kounseling dan kumpulan bimbingan disediakan untuk mangsa kanak-kanak yang pernah mengalami penderaan seksual dan dalaman.

Pendidikan untuk Masyarakat:

Program pendidikan disediakan di sekolah, kumpulan komuniti dan profesional untuk memberi kesedaran kepada masyarakat tentang penderaan seksual dan dalaman.

Khidmat professional di kawasan lain:

Khidmat perkhidmatan disediakan diseluruh Centre County. Pejabat terletak di Bellfonte dan Philipsburg.